

NO. SOALAN: 13

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2014**

**RUJUKAN : 7344**

**SOALAN:**

**Datuk Liang Teck Meng [ Simpang Renggam ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini dalam permohonan Malaysia dalam *Visa Waiver Programme* (VWP) dengan Amerika Syarikat yang akan membolehkan warganegara Malaysia untuk melawat Amerika Syarikat tanpa visa.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Malaysia dan Amerika Syarikat (A.S.) telah membincangkan penyertaan negara ke Program Pengecualian Visa A.S (*Visa Waiver Program – VWP*) semasa Lawatan T.Y.T Presiden Barack Obama ke Malaysia pada 26 hingga 28 April 2014. Program VWP ini akan membolehkan rakyat Malaysia masuk ke negara tersebut tanpa perlu memohon *Non Immigrant U.S. Visa* dan tinggal di negara tersebut bagi tempoh maksimum 90 hari setiap kali kemasukan bagi tujuan pelancongan dan perniagaan.**

**Setakat ini, 38 buah negara iaitu 30 negara Eropah, 7 Asia Pasifik dan 1 Amerika Latin telah menyertai Program VWP termasuk 2 Negara di rantau Asia Tenggara iaitu Republik Singapura dan Brunei Darussalam.**

**Untuk makluman Yang Berhormat, tindakan susulan yang telah diambil adalah Lawatan Delegasi Teknikal Negara yang diketuai oleh Kementerian Dalam Negeri ke Washington D.C., Amerika Syarikat pada 25 hingga 29 Ogos 2014 untuk mendapatkan taklimat yang lebih komprehensif mengenai aspek teknikal dan syarat-syarat penyertaan Malaysia ke Program VWP memandangkan ianya adalah merupakan keperluan statutori yang ditetapkan oleh Kongres A.S.**

Lanjutan daripada itu, Menteri Dalam Negeri juga telah mengadakan Lawatan Kerja ke A.S. dari 24 September hingga 4 Oktober 2014 di mana perbincangan turut diadakan mengenai kerjasama dengan pihak A.S. bagi keperluan Malaysia memenuhi syarat-syarat untuk penyertaan negara ke Program VWP.

Proses penyertaan Malaysia ke Program VWP akan mengambil sedikit masa memandangkan keperluan untuk memenuhi syarat-syarat statutori yang ditetapkan. Adalah dijangkakan proses penyertaan ke Program VWP ini akan mengambil masa di antara 18 hingga 24 bulan dan tiada tempoh maksima yang ditetapkan. Malahan, Republik Chile sebagai contohnya telah mengambil masa hampir tiga (3) tahun untuk menyertai ke Program ini.

Kerajaan Malaysia akan tetap komited untuk memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh pihak A.S supaya Malaysia berjaya diterima masuk dalam Program ini kelak. Penyertaan Malaysia dalam Program VWP akan membuktikan bahawa negara mempunyai kesiapsiagaan dari aspek keselamatan terutamanya dalam aspek pengukuhan kawalan sempadan di pintu masuk/keluar negara. Di samping itu, Program ini juga dilihat dapat mempertingkatkan lagi kerjasama hubungan dua hala di antara Malaysia dan A.S. dalam bidang keselamatan.